

**HUBUNGAN ANTARA KEFAHAMAN DENGAN AMALAN SEDEKAH
DALAM KALANGAN MUSLIM DI MALAYSIA**

Nurfida'iy Salahuddin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

fidaiy13@yahoo.com

Hairullfazli Bin Mohammad Som

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

hairullfazli@kuis.edu.my

Muhammad Yusuf Marlon Bin Abdullah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

yusufmarlon@kuis.edu.my

Fakhri Bin Sungit

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

fakhri@kuis.edu.my

Hasliza Bt Talib

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

hasliza@kuis.edu.my

Razaleigh Muhamat@Kawangit

Universiti Kebangsaan Malaysia

raza@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan antara kefahaman dengan amalan sedekah dalam kalangan Muslim di Malaysia. Untuk mendapatkan data kajian, metode kajian kuantitatif telah diaplikasikan menerusi pengedaran sebanyak 500 set soal selidik secara rawak. Dapatan kajian deskriptif menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan amalan sedekah Muslim di Malaysia secara keseluruhannya mempunyai tahap min yang tinggi iaitu tahap kefahaman (3.43) dan amalan sedekah (3.15). Keputusan analisis korelasi Pearson pula menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman ($r = .731$, $p < 0.01$) dengan amalan sedekah ($r = .737$, $p < 0.01$) dalam kalangan Muslim di Malaysia.

Kata Kunci: *Kefahaman, Amalan, Sedekah, Muslim*

1. PENGENALAN

Kajian ini dilakukan untuk mengukur persepsi dan pandangan orang ramai terhadap kebolehpasaran produk bayt al-sadaqah yang dilaksanakan oleh institusi perbankan. Umumnya mengetahui bahawa amalan sadaqah adalah amalan yang dianjurkan oleh Islam untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan. Oleh kerana amalan bersedekah adalah ibadah yang sunat, maka secara tradisinya sistem pengurusan dana sedekah ini diurus secara individu dan berkumpulan. Namun, mekanisma pengurusan melalui agihan dan salurannya tidak diurus secara professional dan sistematik sepertimana yang berlaku kepada institusi zakat dan wakaf.

Oleh yang demikian, idea untuk mewujudkan pusat pengumpulan dana sedekah di institusi perbankan dilihat sebagai perancangan yang berstrategi kerana institusi sedekah ini diharap dapat diurus dengan professional, sistematik dan cekap. Kesan daripada itu dijangka akan membantu untuk pengembangan dana sedekah serta mampu memberi manfaat yang lebih besar kepada ummah. Kajian kuantitatif ini dapat memberi maklumat yang penting serta gambaran secara jelas terhadap keyakinan orang ramai untuk menerima produk sadaqah yang diuruskan oleh institusi perbankan.

2. TINJAUAN LITERATUR

Dalam kajian Abdullah Jalil dan Muhammad Muda (2008) yang bertajuk. Pengurusan Dana Sedekah secara Sistematik : Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta menyatakan Sedekah adalah salah satu instrumen kewangan dan ekonomi Islam yang mempunyai ciri-ciri yang fleksibel dan berbentuk sukarela. Ia boleh dianggap sebagai satu instrumen penyokong dan pelengkap (*supportive and complementary instrument*) bagi instrumen-instrumen yang wajib di dalam Islam seperti zakat, nafkah, kaffarah dan lain-lain. Hikmah di sebalik kebaikan dan kesan positif instrumen ini adalah terlalu luas dan tidak semuanya dapat dikumpulkan di dalam artikel yang singkat ini. Bahkan, sebahagian besar kesan positif sedekah tidak dapat digambarkan dalam bentuk nombor atau kuantiti kerana ia bukan sahaja meliputi kesan ekonomi dan kewangan, bahkan meliputi kesan kerohanian, sosial, keberkatan dan lain-lain.

Berdasarkan kajian Mohamad, Shamsiah; Ab Rahman, Asmak; Syed Ismail, Sharifah Hayaati (2010) Kesejahteraan Ummah dan Agihan Semula Kekayaan Menurut Perspektif Islam mengatakan bahawa kesejahteraan ummah merupakan satu perkara yang sangat penting bagi mencapai pembangunan sesebuah negara. Malah para sarjana berpandangan bahawa pembangunan ekonomi sesebuah negara boleh dicapai apabila wujudnya kesejahteraan dalam kalangan masyarakat. Islam menjamin kesejahteraan ummah melalui agihan semula kekayaan menerusi pensyariatan zakat, wakaf dan sedekah, Maka kedudukan sedekah menjadi penting dan utama sebagai medium penyaluran kemakmuran dari si kaya kepada si miskin. Sedekah menjadi budaya hanya dalam masyarakat yang membangun ekonominya dan punya sedaran mendalam terhadap amalan bersedekah.

Kami memilih kajian ini kerana ia menggunakan asas kajian yang hampir sama iatu kajian Salamon , Hussin and Ismail, Mohamad Ashrof (2010) Persepsi Staf Maybank Taman Universiti Terhadap Penyertaan Masyarakat Bukan Islam Dalam Sistem Perbankan Islam

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi staf Malayan Banking Berhad (Maybank) cawangan Taman Universiti, Skudai, Johor mengenai faktor-faktor yang mendorong dan menghalang masyarakat bukan Islam memilih produk dan perkhidmatan perbankan Islam serta langkah-langkah yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bukan Islam dalam produk perbankan Islam. respon dinilai berdasarkan lima skala Likert. Data yang terkumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science 12.0 for Windows* secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item yang digunakan.

Tesis Sarjana Mohd Noor, Jamiluddin (2005) bertajuk *Persepsi Pengguna Terhadap Kualiti Reka Bentuk Barangan Elektrik Buatan Malaysia*. Master tesis, Universiti Putra Malaysia juga dijadikan rujukan dalam metodologi kajian persepsi bagi mengukur persepsi terhadap bayt al-Sadaqah Kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan. Pertama, kaedah kuantitatif iaitu borang soal selidik untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pengguna terhadap kualiti produk elektrik buatan Malaysia di Melaka. Kedua, kaedah kualitatif temu bual dengan informan untuk memahami pelaksanaan dasar pembangunan produk baru di dua buah syarikat pengeluar produk elektrik buatan Malaysia yang berjenama popular dan tidak popular dari persepsi pengguna yang diperolehi dari kaedah kuantitatif. Pada akhir kajian ini, objektifnya ialah untuk mencadangkan satu model dasar pembangunan produk baru yang sesuai kepada pengeluar untuk meningkatkan kualiti produk elektrik buatan Malay. Justeru sorotan literature terhadap metodologi kajian ini sangat hamper dengan apa yang akan digunakan bagi mengkaji persepsi penerimaan.

Berdasarkan kajian *Kesanggupan Alumni Menyumbang Kepada Universiti : Kajian Dalam Kalangan Guru-Guru Muslim Di Johor (2014)* oleh Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin dan Salwa Amirah Awang mengatakan bahawa hadiah (*charitable*) adalah amalan mulia dalam Islam. Terdapat banyak faktor yang memotivasi individu untuk menderma. Kementerian Pengajian Tinggi telah merancang untuk memberi autonomi kepada setiap university di mana setiap university ini mampu menjana pendapatan sendiri. Salah satu cara untuk sebuah univerisiti untuk menjana pendapatannya adalah dengan penglibatn aktif alumni dalam menyumbangkan harta untuk bekas univeriti mereka. oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong alumni untuk menyumbang kepada universiti. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa pengurusan negara dan status ekonomi, hubungan dengan university dan personaliti individu antara tiga faktor yang terpenting dalam menentukan kesediaan alumni untuk menyumbang. Dalam usaha untuk mencapai matlamat dasar negara, pengurusan university harus memberi alumni mesej yang jelas mengenai keperluan sumbangan untuk kelestarian universiti.

Wakaf, zakat dan sedekah turut dibincangkan dalam kajian *Integrating Zakat, Waqf And Sadaqah: Myint Myat Phu Zin Clinic Model In Myanmar* menurut Sheila Nu Nu Htay, Syed Ahmed Salman dan Soe Myint@Hj. Ilyas (2013). Kajian ini menyentuh mengenai penduduk Islam di Myanmar yang terdiri lebih kurang 8 juta daripada 58 juta keseluruhan penduduk. Sebahagian besar Muslim di Myanmar orang yang miskin dan kurang bernasib baik dan terdapat keperluan segera bagi mereka untuk mendapatkan bantuan terutama dalam hal kesihatan. Apabila latar belakang negara ini dikaji semula, terdapat penderma yang sangat terhad untuk wakaf, zakat dan sedekah. Walau bagaimanapun, sekumpulan orang Islam di sana telah menubuhkan klinik dengan mengintegrasikan konsep wakaf, zakat dan sedekah. Ia adalah klinik pertama di Myanmar yang ditubuhkan berasaskan kepada gabungan tiga

konsep untuk orang Islam dan bukan Islam. Selain itu, pengurusan, sumber dan penggunaan dana klinik itu dihuraikan dan dijelaskan. Model klinik ini juga digunakan dalam negara bukan Islam yang lain yang penduduknya adalah minority Islam.

Menurut Norhanizah Johari, Nazifah Mustaffha dan Nor Azlina Ripain (2014) dalam kajian Sumbangan Infaq Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Terhadap Masjid Al Azhar Kuis mengatakan bahawa institusi infaq adalah salah satu tiang kepada sistem ekonomi Islam. Infaq bermaksud membelanjakan harta pada jalan Allah SWT secara umum. Secara khususnya, infaq adalah memberikan harta benda yang bermanfaat kepada orang lain. Setiap sedekah yang melibatkan harta benda adalah infaq. Islam menuntut umatnya memanfaatkan harta ke arah kebaikan. Infaq memerlukan persediaan akal fikiran yang bukan sedikit dan amalan infaq juga tidak dapat dibudayakan tanpa pemerksaan nilai-nilai takwa dalam diri seseorang Muslim. Oleh yang demikian, amalan infaq itu sekaligus merupakan persediaan budaya, minda dan rohaniah. Amalan infaq akan membudaya tanpa dipaksa-paksa dan dibuat-buat. Kertas kerja ini mengkaji sumbangan infaq dalam kalangan kakitangan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), khususnya dalam meringankan kos pengurusan Masjid Al Azhar KUIS. Data yang digunakan adalah data sekunder dari Penyata Tabung Infaq KUIS 2013 dan Penyata Akaun Masjid Al Azhar 2013. Hasil daripada analisis data tersebut mendapati hanya sebilangan kecil sahaja kakitangan KUIS yang menyumbang kepada tabung infaq (13.81%) dengan purata sumbangan RM17.80 seorang. Walaupun kutipan agak rendah, namun jumlahnya mampu menampung kos pengurusan dan utiliti Masjid Al-Azhar KUIS.

Dalam kajian Mohd Afendi et.all (2010), Zulkifli Hasan (2008) dan Abd. Shakor (2011) mempunyai pandangan yang hampir sama berkaitan dengan pengurusan wakaf di Malaysia. Wakaf berfungsi sebagai pemangkin kepada ekonomi pertumbuhan dan perkembangan umat Islam. Pengurusan dan pentadbiran harta wakaf adalah isu penting yang perlu diselesaikan di Malaysia. Pada 27 Mac 2004, Perdana Menteri mulia Malaysia mengumumkan penubuhan Jabatan Awaqf, Zakat dan Haji dengan tujuan membuat pentadbiran mereka yang sistematik dan berkesan di seluruh negara. Peranan jabatan ini khususnya dalam bidang wakaf antara lain adalah untuk merancang, menyelaras, memantau sistem pentadbiran wakaf dan membangunkan institusi wakaf sistematik untuk menaik taraf ekonomi sosial bagi masyarakat Islam di Malaysia. Beberapa halangan undang-undang dan kekangan yang usaha telah melemahkan untuk membangunkan harta wakaf di Malaysia dikenal pasti. Oleh itu, pelaksanaan pengurusan wakaf perlu sejajar dengan wakaf undang-undang supaya wujud kesinambungan ganjaran untuk penderma wakaf melalui tadbir urus yang baik dan prosedur yang sistematik. Pemegang amanah yang menguruskan harta wakaf adalah bertanggungjawab untuk menjaga, memelihara dan membangunkan tanah yang didermakan untuk mengumpul pendapatan yang boleh diagihkan kepada penerima. Walaupun Majlis Agama dilantik sebagai pemegang amanah tunggal kepada pengurusan wakaf di Malaysia, walaubagaimanapun, dari segi praktikal, aset-aset ini masih tertakluk kepada pelbagai akta yang dibuat oleh Parlimen.

Isu wakaf menurut Syahnaz Sulaiman (2012) dalam Isu Pembangunan Wakaf Menggunakan Struktur Amanah Pelaburan Hartanah Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan membincangkan salah satu mekanisme untuk memajukan aset wakaf berteraskan struktur instrumen kewangan kontemporari, iaitu amanah pelaburan hartanah Islam (I-REIT). Sorotan kajian lepas mendapati bahawa struktur I-REIT berpotensi untuk diketengahkan sebagai salah satu

mekanisme pembangunan aset wakaf di Malaysia. Pendekatan tersebut, walau bagaimanapun, berdepan dengan pelbagai isu dan masalah. Oleh itu, kajian ini merupakan satu tinjauan awal bertujuan mengetengahkan isu berkaitan pembangunan harta wakaf berteraskan struktur I-REIT dalam konteks aplikasi semasa di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kepustakaan. Tatacara pengumpulan data diperoleh menerusi kaedah analisis dokumen dan temu bual di samping turut menyentuh secara umum berhubung dengan teori yang relevan bagi menentukan kedudukan struktur I-REIT sebagai mekanisme dalam memajukan aset wakaf .menurut perspektif hukum syarak. Hasil kajian yang bakal dikemukakan diharap berupaya memberikan implikasi yang positif bagi mengatasi masalah kekurangan dana yang dihadapi oleh pengurus wakaf, di samping mempromosi sistem tadbir urus yang lebih efisien dan sistematik bagi meningkatkan keyakinan masyarakat Islam untuk berwakaf.

Menurut Ahmad Zaki et al. (2006) dan Nurul Hilmiah et. all (2013) telah membuat kajian dari segi pengurusan wakaf ke arah kemajuan dan pembangunan pendidikan di Malaysia dan Indonesia. Kajian ini membincangkan dua aspek yang penting iaitu pengurusan harta wakaf dan potensi harta wakaf ke arah kemajuan pendidikan umat Islam. Pembangunan ekonomi dan pendidikan saling berkaitan, kerana dapat membangunkan ekonomi. Pendidikan bukan sahaja melibatkan masyarakat dan ekonomi tetapi juga perkembangan syahsiah insan. Dari sudut ekonomi, pelaburan modal insan dapat menghasilkan tenaga-tenaga berkelayakan dan bermutu. Hal ini semua dapat tercapai melalui pendidikan. Peranan ekonomi apabila dijalankan dengan fungsi-fungsi lain dapat menjadikan pendidikan suatu kuasa yang cukup berpengaruh dalam pembangunan negara dan kehidupan individu.

Manakala dalam kajian Pembangunan Dana Wakaf : Kajian Di Perbadanan Wakaf Selangor oleh Hasliza Talib, Nazneen Ismail dan Nurzatil Ismah Azizan (2014) mengatakan bahawa Wakaf merupakan satu institusi yang wujud sejak zaman awal Islam lagi. Ia berfungsi ke arah mewujudkan sosioekonomi yang seimbang dalam masyarakat. Di Malaysia, setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dilantik sebagai pemegang amanah kepada semua harta wakaf. Selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) pada 2011 untuk lebih memperkasakan institusi wakaf di negeri Selangor. Sebagai sebuah badan yang baru ditubuhkan sewajarnya perlukan kepada penilaian dari semasa ke semasa bagi memastikan objektif penubuhannya tercapai. Maka kajian ini akan menfokuskan kepada pencapaian pembangunan dana wakaf yang diuruskan oleh PWS dalam tempoh tiga tahun penubuhannya. Bagi memenuhi matlamat ini, penulis telah melakukan kajian dengan mengumpulkan data-data primer dan sekunder yang diambil daripada pihak PWS dan MAIS sendiri serta membuat analisis terhadap data-data tersebut menggunakan kaedah kuantitatif. Berdasarkan kajian yang dilakukan didapati bahawa PWS berjaya meningkatkan nilai tambah dalam pengurusan harta wakaf dengan memperkenalkan pelbagai dana dan produk wakaf ke arah membangunkan ekonomi ummah secara efisien dan holistik berdasarkan hukum syarak.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif yang melibatkan responden seramai 500 orang responden yang tinggal di Lembah Klang. Responden dipilih secara rawak dari kalangan

Muslim dan non-Muslim. Sebanyak 500 set soal selidik telah diedar namun hanya 430 set soal selidik yang dapat dikembalikan.

4. DAPATAN KAJIAN

Demografi responden yang dimaksudkan dalam kajian ini terdiri daripada jantina, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan, agama, kesediaan pemotongan gaji setiap bulan, persetujuan pelaksanaan sedekah/*charity*, alasan tidak setuju. Demografi responden adalah penting untuk mengetahui beberapa maklumat penting berhubung dengan kajian.

a) JANTINA

Dari segi jantina, hasil kajian menunjukkan sebahagian besar responden terdiri daripada perempuan iaitu sebanyak 268 orang (62.3%). Manakala jumlah responden lelaki adalah sebanyak 162 orang (37.7%). Ini menunjukkan responden golongan perempuan merupakan majoriti dalam hasil kajian iaitu berjumlah 268 orang daripada 430 orang responden di Lembah Klang (Jadual 1.1).

Jadual 1.1 Taburan jantina responden

Kategori Responden	Jantina	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Lelaki		162	37.7
Perempuan		268	62.3
Jumlah		430	100

Sumber: Soal Selidik (2015)

b) UMUR

Maklumat mengenai umur responden seperti dipaparkan dalam Jadual 1.2. Umur responden dikategorikan kepada enam peringkat iaitu 21-25 tahun, 26-30 tahun, 31-35 tahun, 36-40 tahun, 41-45 tahun dan 46 tahun ke atas. Hasil kajian menunjukkan daripada jumlah 430 responden, paling banyak ditunjukkan oleh responden yang berada dalam kumpulan umur 31-35 tahun iaitu sebanyak 118 orang (27.4%), diikuti dengan kumpulan berumur 26-30 tahun iaitu sebanyak 92 orang (21.4%), 21-25 tahun sebanyak 90 orang (20.9%), 36-40 tahun sebanyak 50 orang (11.6%), 46 tahun ke atas sebanyak 44 orang (10.2 %) manakala golongan responden yang paling sedikit adalah berumur 36 orang (8.4%).

Jadual 1.2 Taburan umur responden

Kategori Responden	Umur	Kekerapan (F)	Peratus (%)
21-25 tahun		90	20.9
26-30 tahun		92	21.4
31-35 tahun		118	27.4
36-40 tahun		50	11.6
41-45 tahun		36	8.4
46 tahun ke atas		44	10.2
Jumlah		430	100

Sumber: Soal Selidik (2015)

c) TARAF PERKAHWINAN

Hasil kajian, Jadual 1.3 menunjukkan majoriti daripada responden adalah berkahwin iaitu sebanyak 268 orang responden (62.3%), seramai 150 orang responden (34.9%) adalah bujang, golongan janda sebanyak 10 orang (2.3%) dan dua orang responden (0.5%) adalah duda.

Jadual 1.3 Taburan status perkahwinan

Kategori	Status	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Perkahwinan Responden			
Bujang		150	34.9
Berkahwin		268	62.3
Janda		10	2.3
Duda		2	0.5
Jumlah		430	100

Sumber: Soal Selidik (2015)

d) KELULUSAN AKADEMIK

Hasil kajian berkaitan kelulusan akademik menerusi gambaran dalam Jadual 1.4, golongan responden didapati memiliki tahap kelulusan akademik yang berbeza. Majoriti responden iaitu sebanyak 170 orang responden (39.5%) berkelulusan sarjanamuda, diikuti 142 orang responden (33%) sampai pada tahap STPM/Diploma, manakala 102 orang responden (23.7%) mempunyai PMR/SPM, sepuluh orang responden (2.3%) berkelulusan sarjana dan enam orang responden (1.4%) memiliki PhD. Ini bererti sebanyak 39.5% berkelulusan sarjanamuda.

Jadual 1.4 Taburan kelulusan akademik

Kategori Kelulusan Akademik	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Responden		
PhD	6	1.4
Sarjana	10	2.3
Sarjanamuda	170	39.5
Diploma/STPM	142	33
SPM/PMR	102	23.7
Jumlah	430	100

Sumber: Soal Selidik (2015)

e) PEKERJAAN

Dapatan kajian berdasarkan pekerjaan dalam Jadual 1.5 menunjukkan bahawa seramai 210 orang responden (48.8%) bekerja dalam sektor kerajaan, seramai 118 orang bekerja dengan sektor swasta (27.4%), pelajar seramai 52 orang (12.1%), sendiri sebanyak 30 orang (7.0%) dan tiada pekerjaan seramai 20 orang (4.7%). Hasil kajian menunjukkan majoriti responden bekerja dalam sektor kerajaan disebabkan kebanyakan soal selidik diedarkan di Putrajaya dan Shah Alam.

Jadual 1.5 Taburan kelulusan akademik

Kategori Responden	Pekerjaan	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Kerajaan		210	48.8
Swasta		118	27.4
Sendiri		30	7.0
Tiada Pekerjaan		20	4.7
Pelajar		52	12.1
Jumlah		430	100

Sumber: Soal Selidik (2015)

f) PENDAPATAN BULANAN

Dapatan kajian berdasarkan pendapatan bulanan dalam Jadual 1.6 menunjukkan bahawa seramai 186 orang responden (43.3%) berpendapatan sebanyak RM1501-RM3000, seramai 110 orang (25.6%) berpendapatan sebanyak RM3001-RM8000, seramai 94 orang (21.9%) berpendapatan sebanyak kurang dari RM1500, seramai 30 orang (7.0%) tiada pendapatan dan seramai 10 orang (2.3%) berpendapatan sebanyak RM8001 ke atas.

Jadual 1.6 Taburan pendapatan bulanan

Kategori Pendapatan Bulanan Responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Kurang RM1500	94	21.9
RM1501-RM3000	186	43.3
RM3001-RM8000	110	25.6
RM8001 ke atas	10	2.3
Tiada pendapatan	30	7.0
Jumlah	430	100

Sumber: Soal Selidik (2015)

g) AGAMA

Dapatan kajian berdasarkan agama dalam Jadual 1.7 menunjukkan bahawa seramai 414 orang responden (96.3%) adalah beragama Islam, 10 orang responden (2.3%) adalah Kristian dan 6 orang responden (1.4%) adalah Hindu. Majoriti responden terdiri dalam kalangan orang Islam kerana kebanyakan soal selidik diedar di pejabat kerajaan seperti di Putra Jaya dan pejabat pentadbiran kerajaan Selangor (SUK) di Shah Alam.

Jadual 1.7 Taburan agama responden

Kategori Agama Responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Islam	414	96.3
Kristian	10	2.3
Hindu	6	1.4
Jumlah	430	100

Sumber: Soal Selidik (2015)

h) KESEDIAAN PEMOTONGAN GAJI SETIAP BULAN

Dapatan kajian berdasarkan kesediaan pemotongan gaji setiap bulan seperti dalam Jadual 1.8 menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 180 orang responden (41.9%) menyatakan tidak bersedia untuk membuat potongan gaji setiap bulan, seramai 112 orang (26%) bersedia untuk membuat potongan gaji sebanyak RM10, manakala seramai 62 orang (14.4%) bersedia untuk membuat potongan sebanyak RM50, seramai 40 orang (9.3%) bersedia membuat potongan gaji sebanyak RM20, seramai 22 orang (5.1%) bersedia membuat potongan gaji sebanyak RM30, seramai 12 orang (2.8%) bersedia membuat potongan gaji sebanyak RM100 dan seramai 2 orang (0.5%) bersedia membuat potongan gaji sebanyak RM40. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden belum bersedia untuk bersedekah melalui skim potongan gaji setiap bulan. Kemungkinan disebabkan kenaikan harga barang tanpa kenaikan gaji disebabkan pelaksanaan GST.

Jadual 1.8 Taburan agama responden

Kategori	Kesediaan	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Pemotongan Gaji Responden			
RM10		112	26
RM20		40	9.3
RM30		22	5.1
RM40		2	0.5
RM50		62	14.4
RM100		12	2.8
Tidak Bersedia		180	41.9
Jumlah		430	100

Sumber: Soal Selidik (2015)

i) PERSETUJUAN PELAKSANAAN SEDEKAH/CHARITY

Dapatan kajian berdasarkan persetujuan pelaksanaan sedekah/*charity* dalam Jadual 1.9 menunjukkan bahawa seramai 276 orang responden (64.2%) bersetuju dengan pelaksanaan sedekah/*charity* di institusi perbankan manakala seramai 154 orang responden (35.8%) tidak bersetuju dengan pelaksanaan sedekah/*charity* di institusi perbankan.

Jadual 1.9 Taburan agama responden

Kategori Responden	Persetujuan Terhadap	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Pelaksanaan Sedekah/Charity			
Setuju		276	64.2
Tidak Bersetuju		154	35.8
Jumlah		430	100

Sumber: Soal Selidik (2015)

j) ALASAN KENAPA TIDAK SETUJU

Dapatan kajian berdasarkan alasan responden kenapa tidak setuju dengan pelaksanaan sedekah/*charity* di institusi perbankan seperti dalam Jadual 1.10. Majoriti responden iaitu seramai 338 orang (78.6%) menyatakan tiada sebab, diikuti dengan kurang keyakinan dengan bank iaitu seramai 42 orang (9.8%), diikuti sedekah/*charity* disalurkan terus kepada penerima iaitu seramai 18 orang (4.2%), diikuti agihan sedekah/*charity* sepatutnya dilakukan oleh agensi lain iaitu seramai 10 orang (2.3%) manakala sebahagian responden menyatakan

tiada pendedahan seramai 8 orang (1.9%), sukarela dan pendapatan tidak mencukupi masing sebanyak 4 orang (0.9%) dan selebihnya tidak selamat, tiada pekerjaan dan sedekah/*charity* tiada nilai minimum/maksimum iaitu masing-masing sebanyak 2 orang (0.5%).

Jadual 1.10 Taburan alasan responden kenapa tidak setuju dengan pelaksanaan sedekah/*charity* di institusi perbankan

Kategori Alasan Responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Kurang keyakinan dengan bank	42	9.8
Tiada pendedahan	8	1.9
Tidak selamat	2	0.5
Tiada sebab	338	78.6
Agihan sedekah/ <i>charity</i> sepatutnya dilakukan oleh agensi lain	10	2.3
Tiada pekerjaan	2	0.5
Sukarela	4	0.9
Sedekah/ <i>charity</i> tiada nilai minimum/maksimum	2	0.5
Sedekah/ <i>charity</i> disalurkan terus kepada penerima	18	4.2
Pendapatan tidak mencukupi	4	0.9
Jumlah	430	100

Sumber: Soal Selidik (2015)

Jadual 1.11 di bawah adalah parameter bagi interpretasi skor purata kajian Kebolehpasaran Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity* yang Diurus Oleh Institusi Perbankan: Kajian Di Lembah Klang.

Jadual 1.11 Interpretasi skor purata (Skala likert 5)

Skor Purata	Interpretasi
1.00 hingga 1.89	Sangat Rendah
1.90 hingga 2.69	Rendah
2.70 hingga 3.49	Sederhana
3.5 hingga 4.29	Tinggi
4.3 hingga 5.00	Sangat Tinggi

Sumber; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).(2006b). *Pelan IndukPembangunan Pendidikan (PIPP)*. Kuala Lumpur.

Jadual 1.11 di atas merujuk pada skor min 1.00 hingga 1.80 menunjukkan tahap sangat rendah, skor min 1.90 hingga 2.60 berada pada tahap rendah, skor Min 2.70 hingga 3.40 berada pada tahap sederhana, skor min 3.50 hingga 4.20 berada pada tahap tinggi, manakala min 4.3 hingga 5.00 menunjukkan tahap sangat tinggi. Dapatan dihuraikan mengikut objektif kajian di bawah ini.

k) TAHAP PENGETAHUAN SEDEKAH/CHARITY

Jadual 1.12 menunjukkan dapatan tahap pengetahuan responden terhadap konsep sedekah/*charity*. Nilai min tahap pengetahuan sedekah/*charity* secara keseluruhan adalah 3.43. Ini bermakna bahawa tahap pengetahuan sedekah/*charity* responden secara keseluruhan

International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2015).(ISBN 978-967-0850-24-5). 1-2 December 2015, Bayview Hotel, Langkawi, MALAYSIA.

adalah pada tahap yang sederhana (rujuk interpretasi nilai min pada Jadual 1.11). Dilihat secara terperinci bagi tiap-tiap pernyataan pengetahuan sedekah/*charity* menunjukkan satu item berada pada tahap sangat tinggi iaitu Saya mengetahui maksud sedekah/*charity* (min 4.38), dua item berada pada tahap tinggi iaitu Sedekah/*charity* dapat meningkatkan taraf ekonomi masyarakat (min 4.18) dan Saya bersedekah/*charity* disebabkan faktor agama (min 3.96). Manakala dua item berada pada tahap sederhana iaitu Sesiapa sahaja boleh menerima sedekah/*charity* (min 3.35) dan Sedekah/*charity* boleh digunakan untuk pelaburan (min 2.98). Seterusnya, satu item yang berada pada tahap sangat rendah ialah Hanya orang kaya boleh melakukan sedekah/*charity* (min 1.70). Ini bermakna bahawa responden tidak bersetuju terhadap kenyataan Hanya orang kaya boleh melakukan sedekah/*charity*.

Jadual 1.12 nilai min, sisihan piawai dan tahap pengetahuan sedekah/*charity*

BIL	PERKARA	Min	S.P.	Interpretasi
B1	Saya mengetahui maksud sedekah/ <i>charity</i>	4.38	.60	Sangat Tinggi
B2	Saya bersedekah/ <i>charity</i> disebabkan faktor agama	3.96	1.19	Tinggi
B3	Sedekah/ <i>charity</i> dapat meningkatkan taraf ekonomi masyarakat	4.18	.89	Tinggi
B4	Sesiapa sahaja boleh menerima sedekah/ <i>charity</i>	3.35	1.22	Sederhana
B5	Sedekah/ <i>charity</i> boleh digunakan untuk pelaburan	2.98	1.07	Sederhana
B6	Hanya orang kaya boleh melakukan sedekah/ <i>charity</i>	1.70	.95	Sangat Rendah
Tahap Pengetahuan Sedekah Keseluruhan		3.43		Sederhana

Sumber: Soal Selidik (2015)

D) TAHAP PENGAMALAN SEDEKAH/CHARITY

Jadual 1.13 menunjukkan dapatan tahap pengamalan sedekah/*charity*. Nilai min tahap pengamalan sedekah/*charity* secara keseluruhan adalah 3.15. Ini bermakna bahawa tahap pengamalan sedekah/*charity* responden secara keseluruhan adalah pada tahap yang sederhana (rujuk interpretasi nilai min pada Jadual 1.11). Dilihat secara terperinci bagi tiap-tiap pernyataan pengamalan sedekah/*charity* menunjukkan tiga item berada pada tahap tinggi iaitu Saya kerap bersedekah/*charity* (min 3.75), Saya kerap bersedekah/*charity* melalui tunai (min 3.97) dan Saya hanya memberi sedekah/*charity* kepada pihak yang diyakini sahaja (min 3.93). Manakala satu item berada pada tahap sederhana ialah Saya suka bersedekah/*charity* kepada badan-badan NGO (min 3.00). Seterusnya, tiga item berada pada tahap rendah ialah Saya jarang bersedekah/*charity* (min 2.36), Saya kerap bersedekah/*charity* melalui online (min 2.58) dan Saya suka bersedekah/*charity* secara online berbanding tunai (min 2.43). Ini bermakna bahawa responden kurang menggunakan online sebagai saluran untuk bersedekah/*charity*. Walau bagaimanapun, responden sering melakukan sedekah/*charity* berdasarkan jawapan yang berikan iaitu melihat pada item Saya jarang bersedekah/*charity* (min 2.36) berada pada tahap rendah.

Jadual 1.13 nilai min, sisihan piawai dan tahap pengamalan sedekah/*charity*

BIL	PERKARA	Min	S.P.	Interpretasi
C1	Saya kerap bersedekah/ <i>charity</i>	3.75	.77	Tinggi
C2	Saya jarang bersedekah/ <i>charity</i>	2.36	1.04	Rendah
C3	Saya kerap bersedekah/ <i>charity</i> melalui online	2.58	1.10	Rendah
C4	Saya kerap bersedekah/ <i>charity</i> melalui tunai	3.97	.82	Tinggi
C5	Saya suka bersedekah/ <i>charity</i> kepada badan-badan NGO	3.00	.99	Sederhana
C6	Saya suka bersedekah/ <i>charity</i> secara online berbanding tunai	2.43	1.01	Rendah
C7	Saya hanya memberi sedekah/ <i>charity</i> kepada pihak yang diyakini sahaja	3.93	.96	Tinggi
Tahap Pengamalan Sedekah Keseluruhan		3.15		Sederhana

Sumber: Soal Selidik (2015)

m) TAHAP PENERIMAAN PRODUK BAYT AL-SADAQAH/CHARITY

Jadual 1.14 menunjukkan dapatan kajian terhadap tahap penerimaan Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity*. Nilai min tahap penerimaan Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity* secara keseluruhan adalah 3.45. Ini bermakna bahawa tahap penerimaan Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity* responden secara keseluruhan adalah pada tahap yang sederhana (rujuk interpretasi nilai min pada Jadual 1.11). Dilihat secara terperinci bagi tiap-tiap pernyataan penerimaan Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity* menunjukkan tiga item berada pada tahap tinggi iaitu Saya perlu tahu ke mana duit sedekah/*charity* saya disalurkan (min 4.07), Produk sedekah/*charity* yang diuruskan oleh institusi perbankan dapat membantu orang yang memerlukan (min 3.70) dan Saya yakin institusi perbankan mampu menguruskan dana sedekah/*charity* dengan penuh amanah (min 3.52). Manakala lima item berada pada tahap sederhana ialah Saya memilih untuk bersedekah/*charity* menerusi institusi perbankan (min 3.03), Saya yakin institusi perbankan mampu menguruskan dana sedekah/*charity* dengan cekap (min 3.29), Pihak bank memudahkan urusan saya untuk bersedekah/*charity* (min 3.37), Saya membenarkan pihak bank untuk menguruskan sedekah/*charity* saya (min 3.22) dan Saya menyokong produk sedekah/*charity* yang akan diuruskan oleh institusi perbankan (min 3.41). Ini bermakna bahawa penerimaan responden terhadap pelaksanaan Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity* berada pada tahap sederhana.

Jadual 1.14 nilai min, sisihan piawai dan tahap penerimaan produk bayt al-Sadaqah

BIL	PERKARA	Min	S.P.	Interpretasi
D1	Saya memilih untuk bersedekah/ <i>charity</i> menerusi institusi perbankan	3.03	1.05	Sederhana
D2	Saya yakin institusi perbankan mampu menguruskan dana sedekah/ <i>charity</i> dengan cekap	3.29	.94	Sederhana
D3	Pihak bank memudahkan urusan saya untuk bersedekah/ <i>charity</i>	3.37	.87	Sederhana
D4	Saya membenarkan pihak bank untuk menguruskan sedekah/ <i>charity</i> saya	3.22	.95	Sederhana
D5	Saya perlu tahu ke mana duit sedekah/ <i>charity</i> saya disalurkan	4.07	1.01	Tinggi

D6	Saya menyokong produk sedekah/ <i>charity</i> yang akan diuruskan oleh institusi perbankan	3.41	.91	Sederhana
D7	Produk sedekah/ <i>charity</i> yang diuruskan oleh institusi perbankan dapat membantu orang yang memerlukan	3.70	.86	Tinggi
D8	Saya yakin institusi perbankan mampu menguruskan dana sedekah/ <i>charity</i> dengan penuh amanah	3.52	.86	Tinggi
Tahap Pengamalan Sedekah Keseluruhan		3.45		Sederhana

Sumber: Soal Selidik (2015)

n) PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP BAYT AL-SADAQAH/CHARITY

Jadual 1.15 menunjukkan dapatan persepsi responden terhadap Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity*. Nilai min persepsi pengguna Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity* secara keseluruhan adalah 3.50. Ini bermakna bahawa tahap persepsi responden terhadap Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity* secara keseluruhan adalah berada pada tahap tinggi (rujuk interpretasi nilai min pada Jadual 1.11). Dilihat secara terperinci bagi tiap-tiap pernyataan persepsi responden Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity* menunjukkan tiga item berada pada tahap tinggi iaitu Saya lebih suka bersedekah/*charity* secara terus kepada penerima (min 4.28), Saya lebih suka jika saya sendiri yang membuat pemindahan wang ke akaun bank yang dilantik untuk menguruskan wang sedekah/*charity* (min 3.73) dan Saya lebih suka jika wang sedekah/*charity* itu dikumpulkan terdahulu sebelum diagihkan kepada memerlukan (min 3.66). Manakala tujuh item berada pada tahap sederhana ialah Saya bersedia untuk membuat potongan gaji saya sebagai sedekah/*charity* bulanan saya (min 3.37), Saya bersetuju untuk mewakili sejumlah wang yang diberi kepada pihak bank sebagai sedekah/*charity* bulanan (min 3.27), Keyakinan saya untuk bersedekah/*charity* semakin berkurangan kerana terdapat komisen yang dikenakan oleh pihak bank (min 3.48), Saya yakin wang sedekah/*charity* yang diuruskan oleh pihak bank disalurkan kepada pihak yang memerlukan (min 3.49), Saya takut ditipu jika sedekah/*charity* menggunakan perkhidmatan online perbankan (min 3.46), Sistem online perbankan di Malaysia selamat (min 3.21) dan Saya bersetuju jika sedekah/*charity* saya dilaburkan oleh institusi perbankan (min 3.02). Ini bermakna bahawa jika pihak institusi perbankan ingin melaksanakan Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity* memerlukan kepada penerangan yang jitu supaya pelanggan dapat diyakinkan.

Jadual 1.15 nilai min, sisihan piawai dan persepsi responden

BIL	PERKARA	Min	S.P.	Interpretasi
E1	Saya bersedia untuk membuat potongan gaji saya sebagai sedekah/ <i>charity</i> bulanan saya	3.37	1.01	Sederhana
E2	Saya bersetuju untuk mewakili sejumlah wang yang diberi kepada pihak bank sebagai sedekah/ <i>charity</i> bulanan	3.27	.93	Sederhana
E3	Saya lebih suka bersedekah/ <i>charity</i> secara terus kepada penerima	4.28	.74	Tinggi
E4	Keyakinan saya untuk bersedekah/ <i>charity</i> semakin berkurangan kerana terdapat komisen yang dikenakan oleh pihak bank	3.48	.97	Sederhana
E5	Saya yakin wang sedekah/ <i>charity</i> yang	3.49	.83	Sederhana

	diuruskan oleh pihak bank disalurkan kepada pihak yang memerlukan			
E6	Saya takut ditipu jika sedekah/ <i>charity</i> menggunakan perkhidmatan online perbankan	3.46	1.02	Sederhana
E7	Sistem online perbankan di Malaysia selamat	3.21	.80	Sederhana
E8	Saya bersetuju jika sedekah/ <i>charity</i> saya dilaburkan oleh institusi perbankan	3.02	.90	Sederhana
E9	Saya lebih suka jika saya sendiri yang membuat pemindahan wang ke akaun bank yang dilantik untuk menguruskan wang sedekah/ <i>charity</i>	3.73	.76	Tinggi
E10	Saya lebih suka jika wang sedekah/ <i>charity</i> itu dikumpulkan terdahulu sebelum diagihkan kepada memerlukan	3.66	.91	Tinggi
Tahap Persepsi Responden Keseluruhan		3.50		Tinggi

Sumber: Soal Selidik (2015)

o) HUBUNGAN ANTARA KEFAHAMAN DENGAN AMALAN SEDEKAH DALAM KALANGAN MUSLIM DI MALAYSIA

Dapatan kajian deskriptif menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan amalan sedekah Muslim di Malaysia secara keseluruhannya mempunyai tahap min yang tinggi iaitu tahap kefahaman (3.45) dan amalan sedekah (3.50). Keputusan analisis korelasi Pearson pula menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman ($r = .731$, $p < 0.01$) dengan amalan sedekah ($r = .737$, $p < 0.01$) dalam kalangan Muslim di Malaysia.

Analisis korelasi Pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan tahap kefahaman dengan tahap amalan sedekah dalam kalangan Muslim di Malaysia. Hasil analisis korelasi Pearson seperti Jadual 1.16 berikut:

Jadual 1.16 Korelasi pearson hubungan antara tahap kefahaman dengan tahap amalan sedekah dalam kalangan Muslim di Malaysia

Hubungan	Amalan Sedekah		Interpretasi
	r	Sig.	
Tahap Kefahaman	0.731	0.000	Sederhana
Tahap amalan sedekah	0.737	0.001	Sederhana

Sumber: Soal Selidik 2015

Kekuatan hubungan ialah positif sederhana. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman dan tahap amalan sedekah mempunyai perkaitan yang positif dengan amalan bersedekah dalam kalangan Muslim di Malaysia.

5. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah memberi gambaran awal tentang Kebolehpasaran Produk Bayt al-Sadaqah yang Diurus oleh Institusi Perbankan. Dapatan kajian yang diperoleh membawa kepada beberapa implikasi terhadap keadaan yang dihadapi dalam kehidupan khususnya pelaksanaan produk ini. Secara khusus, kajian ini memberi gambaran bahawa tahap pengetahuan, pengamalan, penerimaan dan persepsi responden terhadap Bayt Al-Sadaqah/*Charity*.

Secara kesimpulannya, tahap pengetahuan, tahap pengamalan dan tahap penerimaan responden terhadap sedekah/*charity* berada pada tahap sederhana. Manakala, persepsi responden terhadap Bayt Al-Sadaqah/*Charity* berada pada tahap tinggi. Kajian ini membawa kepada gambaran awal bahawa responden lebih suka bersedekah secara terus kepada penerima. Walau bagaimanapun, pihak institusi perbankan perlu kepada penerangan yang jelas kepada masyarakat supaya produk ini dapat diterima pada masa akan datang.

RUJUKAN

Abd. Shakor Borham. 2011. Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (JCorp): Satu Tinjauan. International Conference on Humanities.

Abdullah Jalil & Muhammad Muda. 2008. Pengurusan Dana Sedekah secara Sistemik : Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta. USIM : Fakulti Ekonomi dan Muamalat.

Ahmad Zaki Abd Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman & Norzaidi Mohd Daud. 2006. Laporan Pengurusan Harta Waqaf dan Potensinya Ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia. Selangor : UiTM.

Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin & Salwa Amirah Awang. 2014. Kesanggupan Alumni Menyumbang Kepada Universiti : Kajian Dalam Kalangan Guru-Guru Muslim Di Johor. *Jurnal Syariah*. 22(2): 259-288.

Hasliza Talib, Nazneen Ismail & Nurzatil Ismah Azizan. 2014. Pembangunan Dana Wakaf : Kajian Di Perbadanan Wakaf Selangor. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*.

Hussin Salomon & Mohamad Ashrof Ismail. 2010. Persepsi Staf Maybank Taman Universiti Terhadap Penyertaan Masyarakat Bukan Islam Dalam Sistem Perbankan Islam. UTM: Fakulti Pendidikan.

Mohamad, Shamsiah, Ab Rahman, Asmak, Syed Ismail & Sharifah Hayaati. 2010. Kesejahteraan Ummah dan Agihan Semula Kekayaan Menurut Perspektif Islam. In: Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, 24-25 Februari 2010, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam.

- Mohd Afendi & Asmah Abdul Aziz. 2010. Waqf Management And Administration In Malaysia: Its Implementation From The Perspective Of Islamic Law. *Malaysian Accounting Review*. 9(2):115-121.
- Mohd Noor Jamiluddin. 2005. Persepsi Pengguna Terhadap Kualiti Reka Bentuk Barangan Elektrik Buatan Malaysia. Tesis Master. Serdang : UPM
- Norhanizah Johari, Nazifah Mustaffha & Nor Azlina Ripain. 2014. Sumbangan Infaq Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Terhadap Masjid Al Azhar Kuis. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*.
- Nurul Hilmiah, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Mohamad Ramzi Che Hariff @ Che Haris. Wakaf Produktif dalam Pembangunan Pendidikan: Kajian di Pondok Moden Darussalam Gontor, Indonesia. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) “Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju” Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013. Jil 3:1320-1314.
- Sheila Nu Nu Htay, Syed Ahmed & Soe Myint@Hj. Ilyas. 2013. Integrating Zakat, Waqf And Sadaqah: Myint Myat Phu Zin Clinic Model In Myanmar. In: 1st. International Conference on Islamic Wealth Management., Sentul City, Bogor, Indonesia, 10-11 May 2013.
- Syahnaz Sulaiman. 2012. Isu Pembangunan Wakaf Menggunakan Struktur Amanah Pelaburan Hartanah Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan. 24 Kanun (2). *JAKIM*, hlm. 149-177.
- Zulkifli Hasan. 2008. An Overview Of The Effectiveness Of The Administration Of Waqf Land In Malaysia. USIM: Fakulti Syariah Law.